



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562

No. Fax : 03-8882 5569

TAMBAHAN PELAKSANAAN PROGRAM JUALAN RAHMAH (PJR) DI SABAH, SARAWAK DAN WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

BEAUFORT, 5 NOVEMBER 2023 – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) akan menambah jumlah pelaksanaan Program Jualan RAHMAH (PJR) di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan bagi bulan **November dan Disember 2023**. Selain peningkatan jumlah pelaksanaan, **KPDN** juga akan memastikan penawaran bekalan ayam ditambah dengan harga jualan RAHMAH pada kadar diskaun di antara 10 hingga 30 peratus.

2. Pendekatan ini diambil sebagai salah satu strategi intervensi untuk membolehkan rakyat berpendapatan rendah dan sederhana mendapat akses kepada bekalan jualan ayam pada harga yang berpatutan. Pelaksanaan pendekatan ini akan ditumpukan di kawasan-kawasan yang dilaporkan mempunyai isu penjualan harga yang agak tinggi di pasaran setempat.

3. Pendekatan ini juga adalah sejajar dengan usaha untuk menangani sebarang isu berbangkit berkaitan kadar harga ayam susulan pengumuman penamatan langkah sementara penetapan harga kawalan bagi ayam bermula 1 November 2023. Langkah penetapan harga kawalan sementara berkenaan dilaksanakan bermula bulan Februari 2022 disebabkan harga yang terlalu tinggi pada masa tersebut yang melibatkan pemberian subsidi kepada penternak.

4. Untuk rekod, penetapan harga kawalan sementara ayam super sebelum 1 November 2023 bagi Negeri Sabah melibatkan dua harga iaitu RM12.00/kg bagi Pantai Barat dan RM12.30/kg bagi Pantai Timur. Di Sarawak, penetapan harga kawalan sementara ayam super sebelum ini adalah berbeza mengikut daerah dengan kadar di antara RM10.80/kg hingga RM13.90/kg. Sementara itu, harga kawalan ayam super bagi Labuan adalah RM12.30/kg.

5. Dengan penamatan langkah penetapan harga kawalan sementara bermula 1 November 2023, **KPDN** telah melaksanakan pemantauan harian setakat **4 November 2023** di pelbagai premis di seluruh negara. Bagi Sabah, hasil pemantauan mendapati harga ayam super di pasaran adalah di antara **RM11.49/kg hingga RM13.90/kg**. Di Sarawak penawaran harga di pasaran adalah di antara **RM8.90/kg hingga RM18.90/kg**. Sementara itu, harga ayam super di pasaran Labuan adalah di antara **RM9.00/kg hingga RM13.90/kg**.

6. **KPDN** meminta kerjasama orang ramai untuk memaklumkan kepada Kementerian sekiranya mempunyai aduan, boleh berhubung terus melalui saluran berikut:

- I. WhatsApp 019-279 4317 / 019-848 8000;
- II. Portal e-Aduan KPDN iaitu <http://eaduan.kpdn.gov.my>;
- III. Call Centre 1-800-886-800;
- IV. E-mel e-aduan@kpdn.gov.my;
- V. Aplikasi Telefon Pintar Ez ADU KPDN;
- VI. Bilik Gerakan Penguatkuasaan 03-8882 6088 / 6245, dan;
- VII. Kod QR Aduan Bekalan:



**YB DATUK ARMIZAN BIN MOHD ALI,
PEMANGKU MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP,
BEAUFORT, SABAH, 5 NOVEMBER 2023.**

###

LATAR BELAKANG

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah ditubuhkan pada 27 Oktober 1990. Matlamat penubuhan Kementerian adalah untuk menggalakkan pembangunan perdagangan dalam Negeri yang berdaya maju, berdaya saing, dan berdaya mampan, khususnya di dalam sektor perdagangan pengedaran.

Sektor perdagangan pengedaran adalah antara penyumbang utama KDNK negara dan ia bertindak sebagai benteng kestabilan ekonomi, terutama semasa situasi ekonomi luaran berada di dalam keadaan ketidakpastian. Perdagangan pengedaran perlu kukuh bagi menampai sebarang ketidakstabilan dalam ekonomi negara.

Dalam masa yang sama, Kementerian juga komited dalam melindungi kepentingan dan hak-hak pengguna. Ini termasuk membangunkan ekosistem pengguna dan peniaga yang bersifat melengkap dan ke arah *self-regulated*, seiring dengan aspirasi ke arah masyarakat negara maju. Ia diharapkan akan melahirkan pengguna dan peniaga yang matang dan beretika dalam berurusan, dan hasilnya adalah negara yang seimbang dari segi ekonomi dan sosial.

Agensi di bawah KPD

